

(839 M)
**KESULTANAN
PERLAK:**
DAULAH ISLAM
PERTAMA DI ALAM
MELAYU



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Pemikiran
dan Kepimpinan
Melayu

**INGAT-
INGAT
LUPA #08**

(839M)

Kesultanan

Perlak

**Daulah Islam Pertama
Di Alam Melayu**



Sumatera merupakan wilayah Nusantara yang paling awal menerima syariat Islam melalui jalur perdagangan. Wilayah ini juga menjadi lokasi kemunculan kerajaan-kerajaan Islam terawal di alam Melayu seperti Samudera Pasai, Aceh, Kedah, Maynila, Brunei dan Melaka. Kerajaan Islam pertama yang muncul di Nusantara adalah Kesultanan Perlak iaitu apabila Sultan Alauddin Sayyid Maulana Abdul Aziz menerima daulah Islam dalam sistem berkerajaan pada tahun 839, 40 tahun selepas tertubuhnya Kerajaan Perlak.

Kerajaan Perlak yang terletak di pantai timur Sumatera pada awalnya mengamalkan ajaran Hindu-Buddha yang sederhana dan Raja yang berkuasa

bergelar Meurah iaitu Maharaja. Perlak muncul ketika empayar Sriwijaya menguasai hampir keseluruhan Nusantara yang berpusat di Palembang.

Nama Perlak diambil daripada nama kayu Perlak. Kayu jenis ini sangat berkualiti dalam pembuatan kapal dan pembinaan kota. Kitab Negara Kertagama ada menyebut dengan nama Parlak. Manakala pelayar Eropah, Marco Polo yang berkunjung ke negeri itu pada tahun 1292 mencatatnya sebagai Ferlec. Kerajaan Perlak juga terkenal dengan pelabuhannya yang maju. Ramai para pedagang dari Arab, Parsi, Cina dan India berdagang hasil rempah dan wangian kapur barus.

Pada sekitar tahun 790, naskah Idhar al-Haq ada mengisahkan sebuah kapal layar yang sangat besar dari Teluk Kambay, Gujarat berlabuh di pelabuhan Perlak. Kapal tersebut juga membawa ratusan pendakwah yang diketuai oleh nakhoda dari Khalifah Abbasiyah. Salah seorang pendakwah tersebut ialah Sayyid Ali bin Mohammad bin Jaafar As-Sadiq bin Muhammad bin Ali bin Hussein bin Ali bin Abi Talib.

Pada peringkat awal, Sayyid Ali berdakwah kepada masyarakat setempat dan selepas beberapa tahun beliau telah berjaya menarik perhatian pihak Istana. Maharaja Perlak, Meurah Shahrin Nuwi menghargai sifat tawaduk dan kesederhanaan Sayyid Ali dan akhirnya menerima hidayah Allah S.W.T memeluk Islam.

Setelah itu, Sayyid Ali diperkenan mengahwini Puteri Makhdum Tansyuri bagi memperkukuhkan diplomasi dakwah di sekitar Nusantara. Selepas kemangkatan Baginda pada tahun 840, putera pertama

Sayyid Ali, iaitu Sayyid Abdul Aziz telah diangkat menjadi Maharaja Perlak yang baharu.

Pada 1 Muharram 225 Hijrah iaitu 12 November 839 Masihi, Maharaja Sayyid Abdul Aziz telah mengisytiharkan Perlak sebagai kerajaan Islam dengan memakai gelaran Sultan Alaidin Sayyid Maulana Abdul Aziz. Pusat pentadbiran Perlak pula diberikan nama baru iaitu Bandar Khalifah. Maka bermulalah pemerintahan daulah Islam yang pertama di Nusantara. Kerajaan Islam Perlak bertahan selama 452 tahun yang diperintah oleh 18 orang Sultan.

Sumber:

Kesultanan Perlak (840-1292M)
Rifai Shodiq Fathoni (2016)

©IMPAK, UiTM

